

PM: Jangan cetus kesangsian setia kepada negara

KUALA LUMPUR, 1985 — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengingatkan rakyat supaya jangan melakukan perbuatan-perbuatan yang boleh menimbulkan kesangsian terhadap taat setia mereka kepada negara dan perpecahan kaum.

Beliau berkata, peringatan itu bukan ditujukan kepada kaum Cina, tetapi kepada semua kaum.

Menjawab soalan tambahan ketua pembangkang, Encik Lim Kit Siang (DAP-Kota Melaka) di sidang Dewan Rakyat di sini hari ini, beliau berkata, perkara yang timbul bukan mempertikaikan taat setia rakyat Cina di negara ini, tetapi tindak-tanduk mereka dalam beberapa peristiwa menimbulkan kesangsian yang boleh membawa kepada perpecahan kaum.

Sebagai contoh, katanya, ada sekumpulan rakyat Cina di negara ini yang menyokong pasukan negeri China seperti pasukan negara mereka sendiri, jika ada pertandingan antara Malaysia dan China.

"Kita tidak menyalahkan negara China, tetapi orang dalam negeri kita sendiri," tambah beliau.

Perdana Menteri berkata, kesangsian dan perpecahan kaum tidak akan timbul, jika semua kaum di negara ini menunjukkan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada negara ini.

Oleh itu, katanya, kerajaan tidak mengubah pendirian mengenai hubungan antara rakyat dengan negeri China, kerana ia tidak termasuk dalam perkiraan kegiatan ekonomi.

Menjawab soalan tambahan Datuk Haji Mohd Abu Bakar Rautin (BN-Kuala Kedah), beliau berkata, China tetap dengan pendiriannya untuk mengiktiraf kewujudan Parti Komunis Malaysia (PKM) dan mempunyai hubungan dengan Parti Komunis China (PKC), meskipun telah

berhenti memberi sokongan kepada PKM.

Hal itu menyebabkan wujud dua pendirian yang tidak berganjak antara kedua-dua negara kerana Malaysia berpendapat, China tidak harus mengiktiraf PKM.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Malaysia tidak menekan perbincangan mengenai perkara itu kerana memberi tumpuan kepada soal ekonomi.

Pakatan

Menjawab soalan tambahan, Wan Abu Bakar Wan Mohamad (BN-Jerantut) beliau berkata, hubungan dagangan secara terus dengan China memerlukan masa kerana pihak ketiga di Hong Kong dan Singapura sudah lama maju dan sukar untuk diatasi.

Bagaimanapun, beliau berkata, China memberi persetujuan untuk membolehkan peniaga-peniaga

dari negara ini mengadakan hubungan terus dengan pembekal-pembekalnya.

Menjawab soalan Encik Mamat Ghazalee Abdul Rahman (BN-Ulu Nerus) Perdana Menteri berkata, beliau membuat pakatan dengan China untuk membolehkan barang-barang dari negara ini dimuatkan dalam kapal milik China.

Menjawab soalan Encik Ng Cheng Kuai (BN-Lumut) beliau berkata, peniaga-peniaga negara ini boleh terus membuat perjanjian dengan China asalkan mendapat persetujuan kerajaan terlebih dahulu.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, soal politik serantau dan antarabangsa meliputi masalah Kampuchea, Afghanistan, Palestin dan Afrika Selatan turut dibincangkan dengan pemimpin-pemimpin China.